

BENTUK KERTAS SOALAN

Asas Pemprosesan Maklumat 1 8843/1 ini mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki menjawab mana-mana DUA daripada EMPAT soalan tersebut. Masa yang diperuntukkan ialah satu jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi calon dalam kertas ini merosot sedikit berbanding tahun 2002. Walau bagaimanapun terdapat calon berkebolehan tinggi berjaya menjawab dengan baik dengan memberikan fakta yang tepat. Calon berkebolehan sederhana memberikan fakta yang kurang lengkap dan penerangan yang ringkas. Fakta yang diberikan juga selalu silap. Calon mengingati fakta tetapi gagal memadankan dengan kehendak soalan. Manakala calon berkebolehan rendah tidak memahami kehendak soalan dan tidak dapat mengingati fakta yang tepat. Fakta yang diberikan juga tidak mencukupi menyebabkan calon gagal mendapat markah yang sepatutnya.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Jawapan yang dikemukakan calon dalam kumpulan ini tepat sebagaimana skema pemarkahan. Calon telah menguasai kemahiran sebagaimana kehendak objektif pentaksiran kertas ini. Mereka menjawab dengan menyenaraikan fakta yang padat yang menepati kehendak skema pemarkahan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang memberikan fakta yang tidak mencukupi untuk mendapatkan markah maksima bagi soalan tersebut.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan yang dikemukakan calon dalam kumpulan ini tepat untuk sebahagian soalan dan pada soalan yang lain calon tidak dapat menyenaraikan fakta yang tepat sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Calon banyak kehilangan markah kerana tidak mengingati semua fakta dan sering mengulangi fakta yang sama walaupun menggunakan ayat yang berlainan. Kadang-kadang jawapan yang diberikan sangat ringkas menyebabkan sukar untuk difahami maksudnya. Calon menjawab tepat pada sebahagian soalan manakala kurang tepat pada soalan yang lain.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan yang diberikan calon dalam kumpulan ini terkeluar daripada kehendak soalan. Calon gagal memahami kehendak soalan. Ada calon yang langsung tidak mahu mencuba. Hanya sebilangan kecil soalan dapat difahami oleh calon tetapi fakta yang diberikan terlalu sedikit dan terlalu ringkas. Jawapan yang diberikan menunjukkan calon hanya "meneka" jawapan dan menggunakan logik sendiri tanpa menggunakan fakta yang tepat.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1 (a) (i)

Soalan memerlukan calon menyatakan dua ciri dan dua fungsi komputer digital. Majoriti calon keliru di antara jenis komputer digital dengan teknologi digital. Calon memberikan ciri dan fungsi bukan komputer digital seperti komputer "notebook". Terdapat calon yang menjawab ciri komputer analog.

Soalan 1(a)(ii)

Jawapan calon merujuk kepada cara mengawal keseluruhan komputer bukannya data. Calon keliru antara penjagaan komputer dengan keselamatan data. Fakta yang diberikan tidak mencukupi. Majoriti memberikan 1 atau 2 fakta sahaja.

Soalan 1(b)(i)

Calon tidak dapat membezakan sistem pengoperasian dengan perisian penggunaan. Calon memberikan contoh perisian aplikasi seperti

Soalan 1(b)(i)

Calon tidak dapat membezakan sistem pengoperasian dengan perisian penggunaan. Calon memberikan contoh perisian aplikasi seperti Microsoft Word, Microsoft Excel dan lain.

Soalan 1(b)(ii)

Sebahagian kecil sahaja calon dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Kebanyakan calon menjawab peranan Unit Kawalan. Calon tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 1(c)(i)

Majoriti calon dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Terdapat calon yang memberikan contoh storan sekunder dan unit input.

Soalan 1(c)(ii)

Secara keseluruhannya calon dapat menjawab dengan baik soalan ini. Terdapat calon yang memberikan jawapan dengan menggabungkan fungsi ROM dan RAM. Menjawab dengan memberikan fakta yang bercampur aduk. Terdapat calon memberikan fakta yang terbalik seperti penerangan untuk ROM tersilap diterangkan RAM.

Soalan 1(d)

Calon telah biasa dengan internet seperti terdedah dengan Kafe Cyber. Skop jawapan calon tidak menyeluruh, kebanyakannya tertumpu kepada soal hiburan seperti 'game' dan lain. Jawapan tidak dikaitkan dengan pembelajaran. Banyak fakta yang berulang dan penerangan terlalu panjang.

Soalan 2(a)

Sebahagian calon dapat memberikan kaedah dengan tepat. Calon selalu memberikan contoh pengimbas kod bar. Terdapat calon yang langsung tidak memahami kehendak

soalan menyebabkan jawapan tidak menepati skema pemarkahan. Ramai calon yang merujuk kepada pengimbas optik seperti “scanner”.

Soalan 2(b)

Calon sering terkeliru antara “Telepersidangan” dengan “Videopersidangan”. Sebahagian besar calon memberikan contoh “Telepersidangan” tetapi memberi penerangan mengenai “Videopersidangan”. Terdapat calon yang memberikan penerangan secara umum tanpa menyebut secara khusus teknologi yang digunakan.

Soalan 2(c)(i)

Majoriti calon memberikan bahasa pengaturcaraan peringkat tinggi. Calon memberikan contoh bahasa peringkat tinggi seperti COBOL, PASCAL dan lain.

Soalan 2(c)(ii)

Keseluruhannya calon dapat menjawab dengan baik. Terdapat calon yang menerangkan fungsi Unit Kawalan. Calon memberikan fakta yang tidak lengkap. Terdapat calon yang memberikan fungsi aritmetik sahaja dan tertinggal menerangkan fungsi logik.

Soalan 2(d)

Masalah sosial ini sering menjadi perbincangan umum terutamanya di dalam media massa tempatan. Jawapan tertumpu kepada bahan lucah dan seks dengan penerangan yang panjang. Fakta yang diberi oleh calon sering berulang-ulang. Calon tidak dapat menyenaraikan fakta yang banyak sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Jawapan panjang tetapi faktanya sedikit.

Soalan 3(a)(i) dan 3(a)(ii)

Kebanyakan calon dapat menjawab tepat. Terdapat calon yang tidak memberikan contoh setiap jenis pencetak. Memberikan penerangan secara umum sahaja. Calon terkeliru antara pencetak hentaman dengan bukan hentaman

Soalan 3(b)(i)

Dapat menjawab tepat kerana calon sering menggunakan perisian tersebut. Sebahagian calon menjawab kegunaan secara umum tanpa merujuk kepada perniagaan kecil. Calon menerangkan ciri-ciri hamparan elektronik secara umum dan fakta yang diberikan terlalu terhad.

Soalan 3(b)(ii)

Sebahagian besar calon menjawab soalan ini dengan tepat. Terdapat juga calon menyenaraikan lebih daripada 2 perisian. Calon meneka dengan menyenaraikan banyak perisian yang berlainan. Terdapat jawapan yang salah ejaan.

Soalan 3(c)(i)

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini. Terdapat calon yang menerangkan kebaikan Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN) yang sepatutnya dijawab dalam 3c(ii).

Calon sering memberi jawapan yang salah seperti internet dan Rangkaian Kawasan luas (WAN).

Soalan 3(c)(ii)

Sebahagian besar calon gagal menjawab dengan tepat soalan ini. Mereka memberi fakta yang salah seperti dapat mengurangkan kos. Fakta tidak berkaitan dengan Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN), calon hanya mamberikan kebaikan rangkaian secara umum sahaja.

Soalan 3(d)(i)

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Takrif yang tidak mengikut skema pemarkahan. Calon gagal memberi maksud carta aliran dengan tepat. Kebanyakan calon tahu konsep carta aliran tetapi tidak dapat menghuraikan dengan tepat.

Soalan 3(d)(ii)

Fakta yang diberikan tidak mencukupi. Calon tidak faham peranan carta aliran di dalam pengaturcaraan komputer. Calon sering terkeliru di antara carta aliran dengan carta organisasi. Terdapat calon yang langsung tidak mengetahui jawapan

Soalan 4(a)(i)

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Maksud yang diberikan tidak tepat kerana tidak mengaitkannya dengan sesuatu fail data. Calon selalu mengaitkan dengan data sahaja tanpa menyebut fail. Kebanyakan calon memberikan jawapan tidak tepat dan salah.

Soalan 4(a)(ii)

Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Langkah yang diberikan sedikit dan penerangan terlalu ringkas. Terdapat calon yang Menyebut langkah tanpa penerangan. Terdapat juga calon yang tidak faham kehendak soalan dengan memberikan langkah memasukkan data ke dalam komputer.

Soalan 4(b)

Keseluruhannya soalan ini dapat dijawab dengan memuaskan. Terdapat calon yang membandingkan kelebihan komputer berbanding mesin taip. Kurang memahami soalan dengan menyenaraikan kelebihan komputer bukannya kelebihan pemprosesan perkataan.

Soalan 4(c)(i)

Kebanyakan calon dapat memberikan ciri-ciri yang tepat. Terdapat juga sebahagian calon menerangkan kelebihan cakera liut yang sepatutnya dijawab dalam 4(c)(ii). Keliru antara ciri dengan kelebihan cakera liut. Fakta yang diberikan juga tidak mencukupi.

Soalan 4(c)(ii)

Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan memuaskan soalan ini tetapi fakta yang diberikan tidak mencukupi. Calon dapat memberikan kelebihan menggunakan cakera liut sebagai media storan.

Soalan 4(d)

Calon dapat menjawab dengan tepat sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Terdapat calon yang menjawab peranan sistem pengoperasian bukannya peranan unit kawalan. Fakta yang diberikan tidak mencukupi. Terdapat juga calon yang memberikan peranan unit komputer lain seperti unit ingatan dan unit aritmetik dan logik.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menanamkan minat terhadap kertas ini daripada awal tingkatan empat lagi dan tidak hanya membuat persediaan disaat-saat akhir peperiksaan.
2. Membincangkan dengan guru jawapan soalan peperiksaan tahun lepas sebagai persediaan menghadapi peperiksaan sebenar.
3. Memperbanyakkan bahan bacaan berkaitan komputer .
4. Baca soalan dengan teliti dan fahaminya terlebih dahulu sebelum mula menjawab.
5. Penerangan yang diberikan mestilah di dalam ayat yang jelas disokong dengan contoh yang tepat.
6. Memahami kehendak kata awal setiap soalan seperti 'Bincangkan', 'Jelaskan', 'Huraikan', 'Nyatakan' dan lain-lain.

SARANAN KEPADA GURU

1. Berusaha menambahkan pengetahuan dalam bidang ICT daripada pelbagai sumber.
2. Libatkan diri dengan tugas berkaitan ICT disekolah untuk memantapkan lagi pengetahuan komputer.
3. Menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal untuk membolehkan perbincangan soalan peperiksaan tahun lepas dibuat lebih awal.
4. Mengadakan sesi penerangan kaedah menjawab soalan yang betul.
5. Memperbanyakkan soalan latihan tubi kepada calon.